

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penambahbaikan Pengundian Awal dan Pengundian Pos Dalam Negara dan Luar Negara yang akan dilaksanakan jika Undi-18 dan pendaftaran pengundi secara automatik berjaya dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Negeri Sarawak ke -12 dan Pilihan Raya Umum ke-15.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya pilihan raya sama Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 atau Pilihan Raya Kecil (PRK). Persediaan ini turut mengambil kira keperluan pertambahan bilangan pemilih dengan mengambil kira pendaftaran Undi 18 secara automatik yang dijangka meningkat sebanyak 500 ribu pemilih setahun. Ini adalah penting bagi memastikan pengendalian penjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna.

## NO. SOALAN : 32

Bagi urusan undi pos, SPR akan melaksanakan beberapa pembaharuan bertujuan memberikan kemudahan kepada pemilih berbanding dengan pelaksanaan pilihan raya sebelum ini. Permohonan undi pos untuk Kategori 1B (Luar Negara) dan Kategori 1C (9 Agensi) akan dilaksanakan secara atas talian (*online*) berbanding secara manual sebelum ini. Pemohon perlulah mendaftarkan akaun di MySPR Daftar terlebih dahulu sebelum memohon sebagai pengundi pos.

Selain itu, syarat-syarat kelayakan pengundi pos Kategori 1B (Luar Negara) seperti yang dilaksanakan sebelum ini **telah dimansuhkan** iaitu:

- (i) Bermastautin di luar negara kecuali di Wilayah Selatan Thailand (Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia; dan
- (ii) Pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

Dengan pemansuhan syarat-syarat ini, ia akan memberi kemudahan kepada pemilih berdaftar bagi Kategori 1B (Luar Negara) yang berada di luar negara bagi Bahagian Pilihan Raya yang terlibat adalah layak untuk memohon undi pos.

Manakala bagi urusan Undi Awal, SPR akan mengenal pasti dan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi awal bagi daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih undi awal tinggi bagi menampung pertambahan bilangan pemilih dengan pelaksanaan Undi 18 secara automatik.

Sekian, terima kasih.